

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN SEBUTHARGA

BILANGAN SEBUTHARGA: **31/JMM/S/12/91 (2023/2024)**
TAJUK SEBUTHARGA: **PEMBELIAN *MANNEQUINS* UNTUK PAMERAN
JABATAN MUZIUM-MUZIUM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Sebutharga dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai 'Sijil Pendaftaran' yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam yang berkaitan dengan kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja diatas.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iaitu dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 3.00 petang kecuali Hari Sabtu sehingga jam 10.00 pagi sahaja.
4. **Yuran Sebutharga** bagi setiap borang adalah **B\$5.00 (Ringgit: Lima Ringgit Sahaja)**. **Pembayaran hendaklah dibuat secara 'on-line'** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar sebutharga yang sah (bona-fide tender).
5. Sebutharga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebutharga serta tarikh tutup sebutharga tanpa menyatakan nama pender/syarikat dengan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA,
JABATAN MUZIUM-MUZIUM,
d/a BANGUNAN ARKIB NEGARA,
JALAN DEWAN MAJLIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Sebutharga yang lengkap hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA JABATAN MUZIUM-MUZIUM, TINGKAT 2, BANGUNAN ARKIB NEGARA TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG PADA HARI KHAMIS, 12 OKTOBER 2023.**
7. Sebarang pertanyaan pihak penender hendaklah menghubungi *Officer In-Charge* (OIC) melalui nombor telefon 7262826.
8. Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Sebelum dokumen sebutharga dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.
10. Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang Sebutharga yang disediakan. Borang Sebutharga dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
11. Setiap borang sebutharga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebutharga (seperti kenyataan Para 4).
12. Penender dimestikan untuk menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
14. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).